

Pelihara imej perkhidmatan awam



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

PEMBONGKARAN kes rasuah yang cukup luar biasa melibatkan rampasan wang tunai terbesar dalam sejarah lebih 40 tahun Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini membuktikan gejala rasuah di negara ini cukup serius dan membimbangkan. Tambahan pula, melibatkan penjawat awam yang sepatutnya menjaga amanah rakyat dengan penuh tanggungjawab dan integriti.

Terlalu banyak maklumat yang cukup mengejutkan didedahkan apabila SPRM berjaya menahan empat orang suspek utama termasuk seorang pengarah dan timbalan pengarah sebuah agensi kerajaan di Sabah. Mereka bersama-sama dengan beberapa individu lain dipercayai terlibat dalam kes menyeleweng dan menyalah guna dana kerajaan Persekutuan untuk projek infrastruktur bekalan air di Sabah sejak enam tahun lalu.

Secara ringkasnya, selain wang tunai melebihi RM52 juta termasuk pelbagai mata wang asing bernilai RM8.3 juta milik kedua-dua penjawat awam berkenaan, suspek memiliki koleksi barang kemas seperti berlian, batu permata, cincin, rantai, gelang dan subang yang bernilai jutaan ringgit; 92 beg tangan berjenama yang setiap satu dianggarkan bernilai ribuan ringgit serta 127 geran tanah di Sabah atas nama salah seorang suspek.

Malah dikatakan nilai keseluruhan rampasan yang sudah ditaksir termasuk wang tunai, wang dalam akaun, barang kemas dan kenderaan mewah sudah pun menjangkau kira-kira RM122.34 juta setakat ini dan dijangka bakal meningkat lagi. Apa yang lebih menarik perhatian khalayak adalah fakta di mana SPRM terpaksa menugaskan sebanyak 30 anggota untuk mengira wang tunai tersebut (RM52 juta) selama 15 jam. Penulis percaya kes ini pastinya telah mencatatkan satu rekod baru dalam sejarah rasuah di negara ini.

Walaupun kes ini cukup mengejutkan namun jika diamati trend selama ini terutamanya sejak awal tahun ini terdapat banyak siri penangkapan yang dibuat oleh SPRM terutamanya membabitkan penjawat awam.



WANG tunai berjumlah RM52 juta dan barangan kemas yang dirampas SPRM Kota Kinabalu, Sabah, 4 Oktober lalu. - UTUSAN/KASMIL KASSIM

Antara beberapa kes yang turut menarik perhatian sebelum ini adalah pada Mac lalu seorang setiausaha bahagian sebuah kementerian bersama lapan individu ditahan kerana seleweng dana kerajaan berjumlah RM107 juta manakala pada Julai seorang pegawai kanan unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) Pulau Pinang ditangkap bagi siasatan kes salah guna kuasa membabitkan satu projek membekalkan pakaian seragam bernilai kira-kira RM25,000 dan pada Ogos, tiga penjawat awam termasuk dua daripada mereka berpangkat Datuk dan Datuk Seri ditahan selepas terlibat dengan aktiviti menyalahgunakan kuasa, rasuah serta pengubahan wang haram.

Mengambil kira beberapa pembongkaran dan kejayaan penangkapan seperti ini adalah wajar kita merakamkan ucapan syabas kepada SPRM yang telah menjalankan tugas mereka dengan penuh amanah dan dedikasi. Ternyata SPRM banyak membantu membanteras penularan gejala rasuah dalam kalangan masyarakat secara konsisten dan berterusan.

Hakikatnya rasuah bukanlah suatu isu baharu dalam masyarakat kita. Sudah sekian lama kita berhadapan dengan masalah sosial ini yang jelas kelihatan semakin menular menjadi wabak yang sukar diubati. Hampir setiap hari kita didedahkan dengan perbuatan penyelewengan dan salah laku yang menjurus kepada rasuah membabitkan pelba-

gai golongan baik penjawat awam, pekerja swasta dan korporat hinggalah ke orang perseorangan semuanya ada bahagian masing-masing.

Apapun perkara yang menyedihkan apabila penjawat awam yang diberi amanah untuk membantu rakyat mula menyeleweng. Ini suatu perbuatan yang tidak boleh dimaafkan sama sekali malah wajar digelar sebagai penderhaka kepada agama, bangsa dan negara. Tindak tanduk segelintir penjawat awam seperti ini menjejaskan nama baik, reputasi dan juga imej perkhidmatan awam secara keseluruhannya umpama kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Kita tidak mahu rakyat memandang serong kepada perkhidmatan awam hanya disebabkan perbuatan rasuah individu seperti ini. Justeru pihak kerajaan perlu memandang serius isu gejala rasuah dalam kalangan penjawat awam dan seterusnya mengambil langkah-langkah sewajarnya supaya dapat mencegah lebih banyak lagi penjawat awam terjebak dalam rasuah dan penyelewengan yang sekali gus akan mendatangkan lebih banyak keburukan kepada perkhidmatan awam.

Secara umumnya perkhidmatan awam di negara kita boleh dikatakan berada pada kedudukan yang cukup terpuji dengan pelbagai pembaharuan, peningkatan dan penambahbaikan yang berterusan. Malah komitmen, prestasi dan pencapaian majoriti penjawat

awam juga boleh dibanggakan. Namun tindakan segelintir penjawat awam yang tamak ini seolah-olah menenggelamkan terus segala sumbangan dan pencapaian baik sekian lama. Ini pastinya situasi yang cukup sukar kepada institusi perkhidmatan awam di negara ini dan kita tidak boleh membiarkan perkara seperti ini berterusan.

Jadi kita meminta pihak kerajaan tatkala SPRM meneruskan pemburuan mereka, buatlah sesuatu dengan segera dan drastik supaya dapat membersihkan sepenuhnya perkhidmatan awam daripada gejala rasuah. Proses pembersihan dan pemutihan ini perlu meliputi semua peringkat penjawat awam tanpa mengira gred dan kedudukan jawatan serta merangkumi semua agensi kerajaan baik di peringkat persekutuan mahupun negeri.

Beri perhatian serius kepada punca utama kenapa penjawat awam mudah terjebak dalam rasuah serta laksanakan program dan tindakan pencegahan dan penguatkuasaan yang sewajarnya supaya dapat membanteras perbuatan ini. Perlu dilihat apakah ia berpunca daripada desakan hidup yang semakin menghimpit kehidupan rakyat atau ia sudah menjadi satu budaya dalam kalangan segelintir penjawat awam yang sedikit pun tidak rasa bersalah untuk melakukannya.

Dalam konteks ini, kita juga menyambut baik saranan dan nasihat Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa yang menasihatkan penjawat awam agar hidup mengikut keperluan dan pendapatan dan bukannya terlalu terikut-ikut untuk menjalani kehidupan secara mewah serta meminta penjawat awam, ahli keluarga dan orang ramai untuk melaporkan kepada SPRM sekiranya mendapati rakan atau keluarga mereka terlibat dalam isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Diharap semua penjawat awam akan mengambil iktibar dari semua kejadian ini seterusnya memasang azam untuk bersama-sama membantu menjaga nama baik perkhidmatan awam. Semoga nama baik dan imej perkhidmatan awam dapat dibersihkan dan dipulihkan segera agar keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam terus berada pada kedudukan yang baik.